



Ahli Parlimen,
Pegawai Daerah,
Negeri Selangor Darul Ehsan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 3 TAHUN 2015**

**PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 2 TAHUN 2015 : GARIS PANDUAN PENGGUNAAN
PERUNTUKAN AHLI PARLIMEN**

1.0 TUJUAN

Pekeliling Perbendaharaan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Ahli Parlimen dan Pegawai Daerah selaku Pegawai Pengawal mengenai agihan semula kadar penggunaan peruntukan Ahli Parlimen.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 2 Tahun 2015 (PP Bil 2/2015) berhubung Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Parlimen yang berkuat kuasa pada 29 Januari 2015 telah menggariskan perkara berikut:

- i. Setiap Ahli Parlimen telah diluluskan peruntukan tahunan sebanyak RM300,000.00;
- ii. Projek-projek kecil boleh dilaksanakan melebihi 50 peratus daripada peruntukan yang diberikan;
- iii. Sumbangan kemasyarakatan, sumbangan kecemasan dan Program Mesra Rakyat boleh dilaksanakan dengan kos keseluruhan program adalah tidak melebihi 50 peratus daripada jumlah yang disalurkan.

3.0 AGIHAN SEMULA KADAR PENGGUNAAN PERUNTUKAN

3.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 23/2015 yang diadakan pada 22 Julai 2015 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 24/2015 pada 29 Julai 2015 telah memutuskan agar kadar penggunaan peruntukan diagih semula seperti berikut:

- i. Peratusan penggunaan peruntukan dipinda bagi projek-projek kecil iaitu kepada kadar minimum 30 peratus daripada peruntukan yang diberikan, manakala sumbangan kemasyarakatan, sumbangan kecemasan dan program mesra rakyat boleh dilaksanakan dengan kos keseluruhan program adalah tidak melebihi 70 peratus daripada jumlah yang disalurkan.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama-sama PP Bil 2/2015 serta tertakluk kepada prosedur kewangan dan lain-lain peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN) D.P.M.S., S.I.S.
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 7 Ogos 2015

Salinan kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)